

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CIDB TERBIT BUKU DAFTAR BAHAN DAN PRODUK BINAAN TERKINI YANG DIPERAKUKAN DI BAWAH JADUAL KEEMPAT AKTA 520

Kuala Lumpur (27 Julai 2021) – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menerbitkan Buku Daftar Bahan Dan Produk Binaan terkini yang diperakukan di bawah Jadual Keempat Akta 520. Ianya bertujuan untuk memaklumkan kepada penggiat industri untuk mendapatkan dan menggunakan bahan binaan yang telah sah diperakukan seperti yang tersenarai pada Jadual Keempat Akta 520 CIDB.

Buku daftar bahan binaan ini, memuatkan senarai pengeluar dan pembekal bahan dan produk binaan yang telah memperolehi sijil Perakuan Pematuhan Standard (PPS) daripada CIDB dalam tahun 2020. Terdapat 90 jenis bahan dan produk binaan daripada 13 kategori bahan binaan yang tersenarai di dalam Jadual Keempat Akta 520 dimuatkan di dalam buku tersebut, termasuk kategori seperti produk besi & keluli, konkrit siap bancuh (*ready mixed concrete*), simen, aluminium, jubin ceramik (*ceramic tiles*), bahan penebatan (*insulation materials*), peralatan kebersihan (*sanitary wares*) dan lain lain lagi.

Buku ini diterbitkan sebagai sumber rujukan dan semakan utama kepada penggiat industri pembinaan seperti perunding, pemaju projek, agensi kerajaan & swasta, kontraktor, pembekal & pengeluar, seterusnya kepada pengguna. Ini selaras dengan peranan CIDB dalam memastikan hanya bahan binaan yang berkualiti dan memenuhi keperluan standard sahaja digunakan untuk projek pembinaan.

Menurut Akta 520 mana-mana orang yang berurusan atau mengaku janji untuk berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat tanpa pemerakuan PPS yang mematuhi syarat keperluan standard daripada CIDB adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang dari RM10,000 dan tidak melebihi RM500,000.

“Sebagai salah satu agensi yang diamanahkan untuk memantau dan menguatkuasakan bahan-bahan binaan di pasaran, CIDB bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran kawasan pembinaan yang selamat dan berkualiti. Diharap buku daftar bahan binaan ini akan menyumbang ke arah peningkatan akauntabiliti, integriti serta profesionalisma industri pembinaan di Malaysia dan seterusnya meningkatkan kualiti

bahan binaan yang digunakan di dalam kerja-kerja pembinaan keseluruhannya," kata Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid.

Buku daftar bahan binaan ini boleh dimuat turun melalui laman web rasmi CIDB di pautan <https://www.cidb.gov.my/ms/maklumat-pembinaan/kualiti/bahan-binaan/pendaftaran-bahan-produk-binaan-dan-pengeluar>. Selain itu, orang ramai juga boleh menyemak bahan dan pengeluar yang telah diperakukan CIDB secara dalam talian melalui www ccpm.cidb.gov.my.

####

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi **CIDB Careline** di talian **03-5567 3300**.